

PENCETUS IDEA PENUBUHAN SMITA



**TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN ALANG MAMAT
PENGARAH SEKOLAH MENENGAH ISLAM TAHFIZ AL-AMIN**

SMITA adalah hasil cetusan idea pengarahnya sendiri Tuan Haji Zainuddin Bin Alang Mamat. Bersama-sama dengan sahabat-sahabatnya, Tuan Haji Zainuddin Bin Alang Mamat menubuhkan Pertubuhan Kebajikan Al-Nidaa' Malaysia (Al-Nidaa') dalam tahun 2001. Bermula tahun 2002, beliau bertugas sepenuhmasa sebagai setiausaha kerja pertubuhan tersebut.

Beliau adalah seorang *cost and management accountant*. Beliau bersara pada tahun 1999 setelah berkhidmat untuk pelbagai jawatan dalam sektor swasta dan perniagaan.

Di bawah pengurusannya, Al-Nidaa' telah terlibat dalam pelbagai aktiviti dakwah dan kebajikan sehingga ke hari ini. Al-Nidaa' memulakan penglibatannya dalam pendidikan melalui penubuhan dan operasi Mutiara Kafa Learning Centre (MKLC) di Mutiara Damansara pada tahun 2008. Pada 2012 Al-Nidaa' mengorak selangkah lagi dengan menubuh dan menjalankan SMITA.

Tuan Haji Zainuddin merupakan watak utama dalam usaha-usaha pendidikan Al-Nidaa'.